



TERBITAN RASMI  
MAJLIS BANDARAYA  
PASIR GUDANG

# MAJLIS ANGKAT SUMPAH TIMBALAN SETIAUSAHA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG





# ISI KANDUNGAN

- 3 ‘Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti’  
Tema Sambutan Maulidur Rasul 1443H.
- 4 Majlis Angkat Sumpah Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Pasir Gudang.  
Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Wawasan MPPG Johor Berhad.
- 5 Pertandingan Tilawah Al-Quran Terbuka Dan Kanak-Kanak Peringkat Pasir Gudang.
- 6 Majlis Perasmian Car Boot Sale Anjuran PUSPANITA MBPG Dan Pertubuhan Wanita Bumiputera Pasir Gudang.
- 7 *Let's Make It Reality.*
- 8 Online PUBG Mobile Musim Kedua Cungkil Bakat Gamers.
- 9 Perasmian Mural Hari Merdeka Di Zon Scientex.
- 10-11 Lensa September Dan Oktober.
- 12 Go-Kart Bersama Datuk Bandar Pasir Gudang.  
Datuk Bandar Menziarahi Mangsa Tragedi Kebakaran Rumah Di Jalan Selasih 17 Taman Pasir Putih.
- 13 Program Pelaksanaan Pembelajaran Bilik Darjah (PBD).
- 14 Selamat Bersara Tuan Haji Adnan Bin Abd Gahni.
- 15 Selamat Bersara Puan Hajah Roslina Binti Othman.
- 16-17 Pertandingan Arca Kreatif 2021 Pasir Gudang.
- 18-19 Yayasan Pasir Gudang.
- 20 Laman Info.

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Yang Berhormat Dato' Asman Shah  
bin Abd Rahman

### PENASIHAT

Encik Mohd Hafiz bin Aliman

### EDITOR

Encik Nik Masri bin Moharani

### PENGARANG

Puan Nadzasha binti Mohd Puad

### PENERBIT

Unit Media & Komunikasi  
Majlis Bandaraya Pasir Gudang



### JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut  
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

### KONSEP & REKA GRAFIK

PGI Media

### HAK CIPTA TERPELIHARA © 2021

Sidang Redaksi Berita DYNAMIC PASIR GUDANG mengalu-alukan sumbangan tulisan dan maklum balas.  
Sila kemukakan kepada:

### MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Aras 19, Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor.

Tel : 07-254 7777      Faks : 07- 251 5260      Web : [www.mbgp.gov.my](http://www.mbgp.gov.my)



## 'MANHAJ RABBANI, UMMAH BERKUALITI' TEMA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1443H

*"Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Nya berselawat kepada Nabi (Muhammad) ; Wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya."*

- Surah Al-Ahzab : ayat 56

'Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti' telah dipilih sebagai tema bagi Sambutan Maulidur Rasul 1443H yang jatuh pada 19 Oktober 2021. 'Manhaj Rabbani', suatu motivasi kepada ummah untuk meletakkan nilai 'Rabbani' iaitu menjadikan Allah SWT segala-galanya dalam mendepani apa jua keadaan dan situasi getir dan sukar. Ia diinspirasikan daripada sifat dan sikap Nabi Muhammad SAW itu sendiri. Tema yang dipilih bertepatan dengan realiti kehidupan rakyat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk berbilang bangsa, bahasa dan agama yang telah pun dicontohkan di zaman Nabi Muhammad SAW. Manakala konsep negara harmoni dalam kepelbagaian ini amat berkait rapat dengan maqasid syariah dan perkara ini turut dinyatakan oleh Imam Al-Ghazali sebagai maslahah yang mengambil manfaat dan menolak keburukan.

Majlis Bandaraya Pasir Gudang mengambil peluang dalam memperingati dan memuliakan bulan Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW dengan menganjurkan program ceramah bertajuk 'Mencontohi Rasulullah SAW Saat Menghadapi Cabaran dan Musibah'. Ceramah ini berlangsung pada 24 Oktober 2021 bermula jam 10.30 pagi secara *online* melalui *platform Facebook Live* dari UTC, Pasir Gudang yang disampaikan oleh Ustaz Hanafiah bin Abd Razak, yang merupakan Imam Masjid Kota Iskandar, Bandaraya Iskandar Puteri.

Antara kandungan nasihat dalam ceramah yang disampaikan ialah bagaimana mendepani ujian yang diturunkan kepada kita. Walau apa juga ujian yang melanda kehidupan sepanjang tempoh ini atau mungkin pada masa depan, Allah SWT ingin mengajar kita semua mengenai sesuatu dan setiap apa yang berlaku pasti mempunyai hikmah daripada Yang Esa. Dalam Surah Al-Mulk, Ayat 2, Allah mengingatkan bahawa setiap manusia pasti diuji untuk melihat kualiti amalan yang dikerjakannya.

Sesiapa yang ditimpa sesuatu musibah perlu diingatkan supaya bersangka baik dengan Allah, memperbanyak doa, berikhtiar, bertawakal dan bersabar. Sebagai manusia yang bergelar hamba, pastinya kita tidak terlepas dalam melakukan kesilapan atau dosa. Namun, Rasulullah SAW mengingatkan kepada kita semua supaya sentiasa bersabar, berusaha mengubati penyakit dan bertawakal selepas segala ikhtiar dilaksanakan.





## MAJLIS ANGKAT SUMPAH TIMBALAN SETIAUSAHA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Tuan Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab telah dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) bermula 27 Oktober 2021. Majlis menandatangani akuan sumpah telah diadakan di Pejabat Datuk Bandar dan disaksikan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman selaku Datuk Bandar Pasir Gudang bersama Setiausaha, Encik Mohd Hafiz bin Aliman.

Tuan Haji Mohd Yusof menandatangani ikrar sumpah sebagai Timbalan Setiausaha MBPG.

## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI WAWASAN MPPG JOHOR BERHAD

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengerusi Koperasi Wawasan MPPG Johor Berhad,  
Tuan Haji Hasrin Kamal bin Hashim.

**Mesyuarat Agung Tahunan** Koperasi Wawasan MPPG Johor Berhad Kali Ke-6, 2021 buat pertama kalinya telah diadakan secara dalam talian atau *online* dengan menggunakan aplikasi zoom.



Majlis dimulakan dengan pendaftaran ahli koperasi, seterusnya bacaan doa. Ucapan aluan telah disampaikan oleh tuan Pengerusi, Tuan Haji Hasrin Kamal bin Hashim. Majlis diteruskan dengan agenda Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Wawasan MPPG Johor Berhad yang telah dipengerusikan oleh Pengerusi Koperasi, Tuan Haji Hasrin Kamal bin Hashim. Selain itu, mesyuarat turut melantik Ahli Jawatankuasa Koperasi bagi penggal 2021/2022.

Seramai hampir 150 orang ahli telah hadir dalam mesyuarat ini walaupun diadakan secara dalam talian, mesyuarat membincangkan pelbagai agenda antaranya, laporan kewangan, aktiviti sepanjang tahun 2021 dan perancangan koperasi bagi tahun 2022. Walaupun negara dan dunia dilanda pandemik COVID-19, namun progres dan pertumbuhan penjanaan ekonomi bagi koperasi ini berada di tahap yang baik.



# PERTANDINGAN TILAWAH AL-QURAN TERBUKA DAN KANAK-KANAK PERINGKAT PASIR GUDANG

Pada 28 dan 29 Oktober 2021 telah berlangsung Pertandingan Tilawah Al-Quran Terbuka dan Kanak-Kanak Peringkat Majlis Bandaraya Pasir Gudang secara atas talian (*online*) di facebook rasmi MBPG. Program ini diadili dengan oleh 3 orang juri luar yang berpengalaman. Pertandingan bermula sekitar pada pukul 2.30 petang dan berakhir pada pukul 5.30 petang. Seramai 10 orang yang terpilih ke peringkat akhir Tilawah Al-Quran Terbuka dan Kanak-kanak iaitu 5 orang peserta lelaki dan 5 orang peserta perempuan.

Program ini merupakan inisiatif MBPG melalui Bahagian Pembangunan Masyarakat dalam memakmurkan sambutan Maulidur Rasul 1443H dan kali kedua penganjurannya bagi meraikan hari kelahiran Nabi Muhammad SAW oleh pihak MBPG. Pertandingan ini juga telah menarik pelbagai lapisan umur bagi menyertainya.

Majlis penyampaian hadiah diadakan secara ringkas dan tertutup. Majlis ini telah disempurnakan oleh Encik Abdul Malek bin Mohamed selaku Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan bersama Ketua Bahagian Pembangunan Masyarakat, Puan Norizan binti Mohammad.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada para pemenang.





## MAJLIS PERASMIAN CAR BOOT SALE ANJURAN PUSPANITA MBPG DAN PERTUBUHAN WANITA BUMIPUTERA PASIR GUDANG

EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, Yang Berhormat, Puan Zaiton binti Ismail telah hadir merasmikan Program Car Boot Sale anjuran PUSPANITA Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) dan Pertubuhan Wanita Bumiputera Pasir Gudang. Majlis perasmian telah berlangsung di Dataran Al-Hamra, Aras 3 Menara Aqabah pada 24 Oktober yang lalu.


Majlis yang ringkas tetapi penuh signifikan yang dianjurkan ini antara lain adalah bagi membuka peluang dan membantu ibu-ibu tunggal di Pasir Gudang bagi menjana kembali pendapatan masing-masing ekoran wabak pandemik COVID-19 yang melanda negara. Inisiatif dilaksanakan secara langsung turut mendukung dasar dan hasrat kerajaan sebagaimana Rancangan Pelan Tindakan Pemeriksaan Ibu Tunggal di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang telah dilancarkan. Turut hadir Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang, Yang Dihormati Datin Halimah binti Mohamed Rasip, Pengurus PUSPANITA MBPG, Encik Mohd Hafiz bin Aliman, Setiausaha MBPG serta Puan Sharifah Amariah binti Ahmad Jailani Timbalan Pengurus PUSPANITA MBPG.

Buat permulaan seramai 15 usahawan di kalangan ibu tunggal telah turut serta mengambil bahagian yang kemudiannya telah diperkenalkan kepada YB EXCO. Orang ramai dijemput datang ke Program Car Boot sale akan diadakan pada setiap minggu dari hari Jumaat hingga Ahad bermula jam 2.00 petang hingga 7.00 petang bertempat di Dataran Al-Hamra, Aras 3 Menara Aqabah.



Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Puan Zaiton binti Ismail,  
EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor.

# LET'S MAKE IT REALITY



**Majlis Bandaraya Pasir Gudang** dengan kerjasama SMK Pasir Gudang telah menganjurkan Program *Let's Make It A Reality* ‘Kejarlah Impianmu Setinggi Bintang di Langit’ pada 24 Oktober 2021 secara atas talian (*online*) melalui platform Google Meet dan YouTube Live.

Program yang pertama kali dianjurkan secara atas talian ini telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dari para peserta yang terdiri dari pelajar-pelajar SMK Pasir Gudang. Seramai hampir 200 orang peserta telah mengambil bahagian dalam sesi *online* ini. Antara objektif penganjurannya ialah mewujudkan kesedaran masyarakat dalam pendidikan anak-anak, membentuk pemikiran positif melalui panduan dan bimbingan yang berkesan dalam pelaksanaan pembelajaran kendiri serta mempertingkatkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran yang dapat mempengaruhi sikap dan nilai positif dalam diri.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Cikgu Abdul Razak bin Abdul Samad, Pengetua SMK Pasir Gudang. Seterusnya majlis dirasmikan oleh Puan Hajah Norizan binti Mohammad, Ketua Bahagian Pembangunan Masyarakat, MBPG. Manakala penceramah jemputan adalah Puan Maysarah binti Muslim, yang merupakan guru bimbingan kaunseling dari SMK Bukit Saujana, Port Dickson, Negeri Sembilan. Program yang berlangsung selama dua jam ini diakhiri dengan sesi soal jawab.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada penganjur dan para peserta yang mengikuti program ini.

**Perasmian Program  
“Let’s Make It A Reality”**

Puan Hjh. Norizan Binti Mohamad  
(Ketua Bahagian  
Bahagian Pembangunan Masyarakat  
Majlis Bandaraya Pasir Gudang)

NURAAIN BINTI DAUT is present...

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

# ONLINE PUBG MOBILE MUSIM KEDUA CUNGKIL BAKAT GAMERS

MBPG meneruskan Pertandingan *Online PUBG Mobile* Peringkat Pasir Gudang Musim Kedua bermula 4 Oktober hingga 9 Oktober yang lalu. Masih mengekalkan pengurus acara yang sama, Egamesport. Asia, Kelab Sukan Elektronik Empayar Selatan (SEEC) dan Shakers & Movers Management Services, penganjuran kali ini telah menarik lebih 120 penyertaan kumpulan dan masih mengekalkan konsep permainan yang sama di mana setiap ahli kumpulan boleh bermain di mana-mana sahaja yang dirasakan sesuai untuk bermain. Setiap pemain perlu mempunyai internet sendiri bagi membolehkan mereka bermain secara atas talian.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Encik Abd. Malek bin Mohamed Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan di Bilik Mesyuarat UTC Pasir Gudang pada 2 November 2021 yang lalu. Berikut merupakan senarai pemenang :

BIL	NAMA PASUKAN/ NAMA KETUA PASUKAN	HADIAH
<b>Johan</b>	D3v Silence	RM2,500.00
<b>Naib Johan</b>	The X Killer Squad	RM1,500.00
<b>Ketiga</b>	Team AKA	RM800.00
<b>Keempat</b>	Bapak Outmind	RM500.00
<b>Kelima</b>	Earthshakerz	RM400.00

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang.





# PERASMIAN MURAL HARI MERDEKA DI ZON SCIENTEX

Bersempena Sambutan Hari Malaysia pada 16 September, Zon Scientex 1 telah menganjurkan Program Semarak Semangat Hari Malaysia. Program dimulakan dengan pelepasan Pasukan Basikal Hari Malaysia oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang. Seterusnya Datuk Bandar turut menandatangani plak Perasmian Mural Hari Merdeka ke-64. Hadir sama dalam program ini, Pengurus Zon Scientex 1, Puan Hajah Haryati binti Ismail. Antara aktiviti yang dijalankan ialah aktiviti *Plogging* di Jalan Belatuk, Jalan Tempua dan Jalan Bayan. Program berakhir dengan majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan-pertandingan yang dianjurkan.

Pada sebelah malam pula, telah diadakan Program Bacaan Yasin, Tahfiz dan Doa Selamat Sempena Hari Malaysia.





SEPTEMBER & OKTOBER  
2021



SUMBANGAN KERUSI RODA OLEH PERSATUAN ARKITEK LANDSKAP AWAM MALAYSIA (PALMA) (7 SEPTEMBER 2021)

PENJURIAN PERTANDINGAN MURAL ATAS TALIAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN (9 SEPTEMBER 2021)



PENEMUAN BANCI MALAYSIA 2020  
JOHOR BAHRU 3  
(28 SEPTEMBER 2021)





### SANITASI AWAM JABATAN KESIHATAN MBPG (SEPAJANG SEPTEMBER DAN OKTOBER 2021)



### MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MURAL ATAS TALIAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN (17 OKTOBER 2021)

# GO-KART BERSAMA DATUK BANDAR PASIR GUDANG

Datuk Bandar Pasir Gudang berkesempatan meluangkan masa bersama-sama beberapa orang warga kerja memenuhi masa mencuba aktiviti sukan go-kart di Rud Karting Center, Iskandar Puteri Nusajaya. Lima orang peserta wanita dan lelaki yang berjaya mendapat catatan masa terpanas berpeluang dipilih menyertai Pertandingan Malaysia Rental Kart Championship yang diadakan pada 2 November bertempat di lokasi yang sama.



Pasukan yang mewakili MBPG dalam pertandingan yang dianjurkan.

## DATUK BANDAR MENZIARAHİ MANGSA TRAGEDI KEBAKARAN RUMAH

## DI JALAN SELASIH 17 TAMAN PASIR PUTIH



Satu kebakaran yang melibatkan dua buah keluarga telah berlaku di Taman Pasir Putih pada malam 6 Oktober yang lalu. Kejadian melibatkan keluarga Encik Mohd Nasir bin Mohd Nor dan keluarga Encik Saifudin Abdullah yang tinggal jiran bersebelahan. Yang Berhormat Datuk Bandar Pasir Gudang, Dato' Asman Shah bin Abd Rahman telah menziarahi dan menyantuni dua buah keluarga ini keesokkan harinya setelah mendapat perkhabaran mengenai keluarga mangsa.

Kedua-dua buah rumah terbabit terletak bersebelahan di No. 1 dan No. 3, Jalan Selasih 7, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang. Bagi urusan sementara, salah sebuah keluarga tersebut kini telah ditempatkan sementara di homestay berhampiran manakala sebuah keluarga lagi telah berpindah sementara ke bangunan rumah kedai milik mereka.

Pihak MBPG berharap semoga mangsa yang terjejas tabah dan sabar menghadapi dugaan, sementara bantuan yang sewajarnya diberikan. Pihak MBPG juga menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dan turut membantu mangsa sama ada dari segi mental dan fizikal.

# PROGRAM PELAKSANAAN PEMBELAJARAN BILIK DARJAH (PBD)



**PROGRAM** yang pertama kali dianjurkan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang serta SK Taman Cedana telah berjaya dilaksanakan pada 5 September yang lalu dan dijalankan secara atas talian (*online*) melalui platform *Google Meet*.

Sesi pembelajaran bermula jam 10.00 pagi. Antara objektif penganjurannya adalah bagi mewujudkan kemahiran, kefahaman dan pengetahuan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak berdasarkan pembelajaran dalam bilik darjah, penjelasan mengenai kaedah pembelajaran dan penilaian dalam bilik darjah serta mendapatkan maklumat tentang penilaian prestasi pelajar selain membentuk pemikiran positif dalam ibu bapa bagi mempengaruhi sikap dan nilai positif dalam diri pelajar.

Program dimulakan dengan bacaan doa oleh Ustaz Mohd Amir bin Mohd Zaki. Pembentang bagi program ini ialah guru dari SK Taman Cendana iaitu Puan Fafhilah binti Main. Peserta program terdiri dari ibu bapa dan pelajar-pelajar SK Taman Cendana. Semoga dengan program pendidikan ini, dapat mengatasi masalah keciciran mata pelajaran dalam kalangan pelajar-pelajar di SK Taman Cendana.





# *Selamat Bersara*

## **TUAN HAJI ADNAN BIN ABD GAHNI**

Tuan Haji Adnan bin Abd Gahni telah berkhidmat selama 17 tahun 8 bulan bermula Januari 2004 dan telah bersara pada 17 September yang lalu dengan usia 60 tahun.

Jawatan terakhir yang di sandang oleh beliau ialah Timbalan Setiausaha MBPG. Sebelum ini beliau pernah ditempatkan di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta sebagai Pegawai Tadbir N41, seterusnya di Jabatan Pembangunan Masyarakat sebagai Pegawai Tadbir N44 dan akhir sekali di Jabatan Khidmat Pengurusan.

Majlis persaraan beliau telah diraikan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang serta Tuan Setiausaha MBPG, Encik Mohd Hafiz bin Aliman, bersama-sama ketua-ketua jabatan / bahagian / unit serta bahagian pengurusan MBPG.

Selamat menempuh alam persaraan diucapkan kepada Tuan Haji Adnan bin Abd Gahni.



*Bergambar kenangan bersama Datuk Bandar Pasir Gudang serta barisan ketua-ketua jabatan / bahagian / unit MBPG.*

# **SELAMAT BERSARA PUAN HAJAH ROSLINA BINTI OTHMAN**

**Puan Hajah Roslina binti Mohd Othman** berasal dari Batu Pahat Johor. Memulakan kerjaya beliau sebagai penjawat awam pada 1 Januari 2004 sebagai Pustakawan S44. Tempoh perkhidmatan beliau adalah selama 17 tahun 10 bulan dan telah bersara pada umur 57 tahun pada 31 Oktober yang lalu.

Majlis persaraan beliau telah diraikan oleh Tuan Setiausaha, Encik Mohd Hafiz bin Aliman, bersama-sama bahagian pengurusan MBPG dan warga kerja di bahagian Perpustakaan Awam MBPG.

Majlis Bandaraya Pasir Gudang mengucapkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Puan Hajah Roslina atas segala jasa dan sumbangan beliau dalam memberikan khidmat yang cemerlang kepada Pasir Gudang. Selamat menempuh alam persaraan.



# PERTANDINGAN **ARCA KREATIF 2021** *Pasir Gudang*


CENTOH  
REKABENTUK ARCA



# GARIS PANDUAN REKABENTUK

- ✓ Jenis **double frontage** atau 360.
- ✓ Berkonsep **zon** dan **rekabentuk**, **rekabentuk arca** harus berbentuk abstrak dan tidak menyentuh sensitiviti kaum manapun agama.
- ✓ Bahan-bahan yang boleh digunakan mengikut kreativiti zon masing-masing (konkrit, bata, besi tahan karat, bahan terpakai dan sebagainya).
- ✓ **Penggunaan lampu** yang sesuai keceriaan landskap.
- ✓ Peruntukan yang akan diberikan : **RM20,000.00**
- ✓ Saiz tapak (4.0 meter x 4.0 meter).
- ✓ Saiz arca maksimum [2.1 meter (P) x 1.5 meter (L) x 3.0 meter (T)].
- ✓ Nama Zon.
- ✓ Plak pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- ✓ Lokasi di taman komuniti zon.
- ✓ Penghantaran borang penyertaan perlu disertakan bersama konsep dan lakaran rekabentuk arca yang ingin dibina.

- 
- ✓ Tarikh penghantaran borang penyertaan & konsep binaan :  
**31 Oktober 2021**
  - ✓ Tarikh siap pembinaan :  
**30 November 2021**
  - ✓ Tarikh penjurian :  
**15 Disember 2021**



## BORANG PENYERTAAN

NAMA : .....

ALAMAT : .....

NO. TEL : .....

NO. IC : .....

NO. AKAUN BANK : .....

NAMA BANK : .....

NO. PENDAFTARAN AKAUN BANK (agensi) : .....

NO. PEROLEHAN / REFERENCE NUM. (agensi) : .....

NAMA ZON : .....

# YAYASAN PASIR GUDANG

## BANTUAN BEKALAN MAKANAN KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI KG TELOK KABONG

TARIKH : 1 SEPTEMBER 2021

Disebabkan peningkatan kes COVID-19 di kawasan Kg. Orang Asli Telok Kabong, Yayasan Pasir Gudang berkesempatan menghulurkan bantuan bekalan kepada penduduk di kampung tersebut bagi membantu memudahkan urusan barang keperluan semasa menjalani kuarantin di kediaman masing – masing. Sumbangan merupakan barang keperluan dapur dari Yayasan Pasir Gudang.



## LAWATAN DAN SUMBANGAN BANJIR YAYASAN PASIR GUDANG

TARIKH : 4 SEPTEMBER 2021

LOKASI : KG MASJID DAN KG SEPAKAT, MASAI

YPG telah menyantuni beberapa keluarga yang telah terlibat dengan kejadian banjir di Kg. Masjid dan Kg. Sepakat Masai. Sumbangan bantuan awal tilam dan sumbangan tunai kepada 73 buah keluarga yang terjejas telah disalurkan dalam lawatan ini.



## BANTUAN BEKALAN MAKANAN KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI KG. PASIR PUTIH

TARIKH : 10 SEPTEMBER 2021

Disebabkan peningkatan kes COVID-19 di kawasan Kg. Orang Asli Pasir Putih, Yayasan Pasir Gudang berkesempatan menghulurkan bantuan bekalan kepada penduduk di kampung tersebut bagi membantu memudahkan urusan barang keperluan semasa menjalani kuarantin di kediaman masing-masing. Sumbangan merupakan barang keperluan dapur dari Yayasan Pasir Gudang.



## SESI PENYERAHAN BANTUAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI (PRE) IHSAN JOHOR 3.0

TARIKH : 1 HINGGA 30 SEPTEMBER 2021

Yayasan Pasir Gudang telah berjaya mengagihkan dan menguruskan bantuan “one-off” RM500.00 daripada kerajaan negeri Johor kepada peserta e-Kasih yang terpilih daripada senarai e-Kasih di bawah kawasan Majlis Bandaraya Pasir Gudang yang dikelolakan oleh Pejabat Daerah Negeri Johor. Seramai 709 orang penerima e-Kasih telah menerima bantuan ini. Namun, disebabkan peningkatan kes pandemik COVID-19, kaedah agihan telah dilaksanakan melalui dua cara iaitu :

1. Seramai 455 orang penerima e-Kasih telah menerima bantuan ini secara Electronic Fund Transfer (EFT).
2. Seramai 254 orang penerima e-Kasih telah menerima bantuan ini secara tunai.



## LAWATAN KEBAKARAN YAYASAN PASIR GUDANG

TARIKH : 7, 12 DAN 22 OKTOBER 2021

YPG telah menyantuni beberapa buah keluarga mangsa kebakaran di sekitar Pasir Gudang. Sumbangan telah disalurkan bagi meringankan beban mangsa kebakaran yang terjejas.

Lawatan mangsa kebakaran rumah sebagaimana berikut :

Bil	Tarikh	Lokasi	Alamat
1.	15,22,29 Sep 2021	Encik Mohd Nasir Bin Mohd Nor	No 3, Jalan Selasih 7, Taman Pasir Putih
2.		Encik Saifudin Ganesh Bin Abdullah	No 1, Jalan Selasih 7, Taman Pasir Putih
3.	12 Oktober 2021	Mohd Sahabudin Bin Kasmadi	No .9, Jalan Tembikai 11, Taman Kota Masai
4.	22 Oktober 2021	Mohamad Fadil Bin Otoh	No. 10, Jalan Seluang 37, Taman Tg Puteri Resort



## SESI PENYERAHAN BANTUAN PERMULAAN IPTA/IPTS FASA 2 DAN 3/2021 (PASIR GUDANG DAN TEBRAU)

TARIKH : 16 DAN 17 OKTOBER 2021

Satu bentuk penghargaan telah diberikan kepada pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA dan IPTS sepenuh masa dalam Malaysia. Bantuan yang diberikan adalah bagi meringankan beban ibu bapa pelajar daripada golongan B40 dari segi kos pendaftaran. Penyerahan sumbangan dilakukan dalam dua majlis berbeza pada 16 dan 17 Oktober 2021. Seramai 156 mahasiswa yang layak menerima sumbangan tersebut. Sumbangan merupakan sumbangan tunai bernilai RM300.00 bagi setiap pelajar. Program ini merupakan program tajaan penuh Yayasan Pasir Gudang.



## SUMBANGAN PERAYAAN HARI DEEPAVALI 2021

TARIKH : 24 OKTOBER 2021

Program tahunan Yayasan Pasir Gudang bagi menyambut Hari Deepavali. Sumbangan ini melibatkan 200 orang penerima dari zon Pasir Gudang dan Tebrau. Setiap penerima menerima sumbangan tunai dan barang keperluan dapur bernilai RM200.00.





# LAMAN INFO

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



## PAUTAN INFORMASI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



[www.mbg.gov.my](http://www.mbg.gov.my)



Majlis Bandaraya Pasir Gudang



majlisbandarayapg\_official



Aduan/Maklum Balas Baharu



Semak Aduan/Maklum Balas



Log Masuk Pelanggan



**SISPAA**

